



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**
 Semester & Year : May - August 2023
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks
SOALAN 2 – Tatabahasa
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

**BAHAGIAN B
ARAHAN**

: SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)

: Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)

Petikan (i)

Baca petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

- Aiman: Aisyah, kamu pernah pergi ke Pulau Langkawi?
Aisyah: Belum lagi. Saya ada mak cik dan pak cik di sana tetapi belum pernah lagi ke sana.
Aiman: Baguslah, begitu. Saya bercadang hendak ke Pulau Langkawi pada bulan depan. Saya akan ke sana dengan kawan-kawan kita. Kamu mahu ikut?
Aisyah: Boleh juga. Berapa bayarannya?
Aiman: Kita akan pergi ke sana selama tiga hari, jadi kos pengangkutan dan kos penginapan ialah RM350.00 sahaja untuk seorang.
Aisyah: Bagaimana kita akan ke sana?
Aiman: Pertama, kita akan menaiki van milik Kenneth ke Kuala Perlis. Kemudian, kita akan menggunakan perkhidmatan Langkawi Auto untuk membawa van itu ke sana. Lebih mudah dan jimat untuk kita bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.
Aisyah: Saya setuju. Berapa orang yang akan pergi nanti?
Aiman: Semuanya 7 orang termasuk kamu.
Aisyah: Baiklah. Esok saya akan membuat bayaran. Bolehlah saya melawat pak cik dan mak cik saya di sana nanti.
Aiman: Baiklah.

1. Bilakah Aiman bercadang hendak pergi ke Pulau Langkawi? **(2 markah)**
2. Berapa lamakah mereka akan bercuti di Pulau Langkawi? **(2 markah)**
3. Apakah kenderaan yang akan mereka gunakan untuk pergi ke Pulau Langkawi. **(2 markah)**
4. Bagaimanakah mereka akan membawa kenderaan tersebut ke Pulau Langkawi? **(2 markah)**
5. Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh Aisyah? **(2 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada masa lapang, Fauzi akan melakukan beberapa aktiviti kegemarannya. Salah satu aktiviti kegemarannya ialah bermain bola sepak dengan kawan-kawan di padang sekolah. Dia akan bermain bola sepak pada setiap hari Isnin hingga Jumaat. Pada hari Sabtu, dia akan mengikut bapanya pergi memancing ikan. Biasanya, mereka akan pergi ke kolam ikan dan sungai. Jika di rumah, Fauzi akan mengisi masa lapang dengan membaca buku. Buku-buku yang dibaca Fauzi adalah tentang sukan dan politik. Fauzi seorang yang sangat aktif dan ceria. Dia tidak suka membuang masanya tanpa melakukan perkara yang berfaedah. Dia juga ingin menjaga kesihatan badannya.

1. Apa aktiviti kegemaran Fauzi pada hari Isnin hingga Jumaat? **(2 markah)**
2. Siapakah yang akan memancing bersama Fauzi pada hari Sabtu? **(2 markah)**
3. Di manakah mereka biasanya memancing ikan? **(2 markah)**
4. Apakah hobi lain Fauzi selain bermain bola sepak dan memancing ikan? **(2 markah)**
5. Nyatakan **DUA (2)** karakter Fauzi. **(2 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah:

- I. kawan (2 markah)
- II. guru (2 markah)
- III. keluarga (2 markah)
- IV. pelajar (2 markah)
- V. kakak (2 markah)

(10 markah)

b) Terjemahkan ayat yang berikut ke Bahasa Melayu.

1. I am not feeling well today.
2. My friend's face is round.
3. My younger brother is twelve years old.
4. He walked to the hospital.
5. My aunt's house is at Taman Len Sen, Cheras.
6. That man is not my brother.
7. I like to eat roti canai at that mamak shop.
8. Kumar's bag is very expensive.
9. My water bottle's color is white
10. Puteri Aisyah is my cousin.

(20 markah)

SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan tentang “**Keluarga Saya**”.

ATAU;

2. Tulis esei ringkas tentang “**Binatang Peliharaan Saya**”.

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT